

## **PRESTASI MSM TETAP UTUH BERHADAPAN CABARAN SUKU KEDUA TK17**

**KUALA LUMPUR, OGOS 29, 2017** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), peneraju pengeluar gula bertapis terbesar negara dan anak syarikat kepada Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), berjaya mencatatkan peningkatan margin keuntungan sebanyak 2.4% bagi suku kedua TK17 berbanding suku pertama TK17, dibantu oleh kenaikan jualan bersempena musim perayaan Hari Raya.

Dengan mengambil kira 80% kos operasi MSM bergantung pada keadaan harga pasaran gula mentah dan kadar pertukaran mata wang yang tidak boleh dikawal, peningkatan margin keuntungan jelas menampilkan keyakinan dan fokus MSM kepada pertumbuhan mampan serta strategi pengekaln pasaran semasa.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan, Kumpulan MSM mencatatkan peningkatan perolehan sebanyak 9.2%, dari RM633.86 juta pada suku kedua TK16 kepada RM692.46 juta pada suku kedua TK17. Pencapaian ini berasakan peningkatan sebanyak 18.9% pada harga jualan purata bagi keseluruhan segmen pasaran. Dalam tempoh interim, hasil pendapatan separuh tahun mencecah RM1,341.43 juta, meningkat sebanyak 13.0%, disokong oleh kenaikan jumlah jualan domestik sebanyak 14.3%.

Prestasi separuh tahun menunjukkan kos gula mentah meningkat sebanyak 54.0% bagi matawang MYR untuk setiap metrik tan, manakala pada suku semasa, pertukaran USD/MYR meninggi pada kadar 4.4415 dan kembali turun pada kadar 4.2950 sewaktu penutupan suku berlatarbelakangkan ketidaktentuan pasaran dan pemulihan lewat bagi harga gula mentah antarabangsa. Oleh yang demikian, pencapaian suku kedua TK17 mencatatkan kerugian daripada operasi (LBT) sebanyak RM28.60 juta diikuti dengan kerugian bersih (LAT) sebanyak RM21.45 juta.

Pada suku ini, MSM berjaya mengurangkan purata kos penapisan sebanyak 14.0% berbanding pada suku yang sama pada tahun lepas atas pelaksanaan cekap dalam pengurusan kos yang agresif, pengurangan kos bagi bahan pembungkusan, pembaikan dan penyelenggaraan serta kos pemboleh ubah lain. Kos pengedaran juga berkurang sebanyak

28.6% berbanding suku yang sama berhubung dengan pengurangan kos penghantaran bagi jualan domestik dan sewaan gudang.

“Kami sentiasa berusaha mengekalkan pertumbuhan yang progresif. Malangnya, angka yang dipamerkan pada suku ini agak mengecewakan, terutamanya berhadapan pasaran komoditi yang mencabar. Walau bagaimanapun, kami menjangkakan pertumbuhan yang baik untuk mengimbangi kesan pembelian gula mentah dengan harga yang tinggi pada tahun lepas. Secara jelasnya, prestasi kewangan kami amat bergantung kepada pergerakan harga komoditi di pasaran global,” kata Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Mohamad Amri Sahari.

Amri Sahari menambah, “Dengan asas yang kukuh, hasil jualan meningkat 13.6% pada suku ini kerana kami menerapkan nilai modal perniagaan MSM yang bersepadu. Di samping itu, kami juga memberi tumpuan penuh pada inisiatif penjimatan kos untuk meningkatkan keuntungan dan aliran tunai bagi mengekalkan pertumbuhan mampan kepada para pemegang saham.”

Kumpulan MSM bercadang untuk terus mengembangkan portfolionya dengan memastikan pembinaan kilang penapisan Johor berjalan lancar – kini kerja pembinaan dijangka selesai sebanyak 54% (pada 30 Jun 2017) dan mengikut bajet yang ditetapkan..

Walaupun bagaimanapun, MSM yakin dapat mencapai matlamatnya dengan sentiasa mengkaji pelaksanaan inisiatif yang ditetapkan untuk meningkatkan jualan dan mengukuhkan bahagian pasaran serta fokus kepada usaha-usaha yang lebih intensif untuk mencapai pertumbuhan positif untuk tahun berakhir.

**-TAMAT-**

## **Tentang MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), diperbadankan pada 10 Mac 2011 selaku peneraju pengeluar gula Malaysia. Ia telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad pada 28 Jun 2011 dan telah muncul sebagai salah satu daripada 50 syarikat utama yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan modal pasaran sebanyak RM3.55 bilion (sehingga Disember 2016). Ia juga anak syarikat milik Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dengan pegangan saham 51%.

Secara dasarnya, MSM menjalankan operasi perniagaan gula Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). MSM menghasilkan, memasar serta menjual produk gula bertapis. Syarikat ini juga menjalankan perniagaannya menerusi dua buah anak syarikat iaitu MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn. Bhd. yang telah ditubuhkan pada 1959 dan 1971. Tambahan lagi, MSM juga mengendalikan syarikat logistiknya sendiri - MSM Logistics Sdn. Bhd. Pada Oktober 2015, MSM Trading International DMCC, berpangkalan di Dubai, EAB ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti dagangan gula Kumpulan.

Kini, MSM memiliki kapasiti pengeluaran gula tahunan yang mengagumkan iaitu 1.25 juta tan gula bertapis. Pada 2016, MSM telah menghasilkan 1,117,010 tan gula bertapis, rekod tertinggi dalam sejarah syarikat dan sebanyak 135,160 tan adalah untuk memenuhi permintaan pasaran eksport. Pada masa ini, MSM kekal menguasai bahagian pasaran domestik dalam anggaran 60%.

Syarikat juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

*Untuk pertanyaan media, sila hubungi:*

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**

+603 2181 5018 ext. 158

+6016 677 6118

[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Muhammad Aniz Mohd Azmi**

+603 2181 5018 ext. 211

+6012 289 3294

[aniz.ma@msmsugar.com](mailto:aniz.ma@msmsugar.com)